

Gendang Gangsa di Asia Tenggara: Tinjauan terhadap Motif Berunsur Geometri

ADNAN JUSOH, YUNUS SAUMAN & ZULISKANDAR RAMLI

ABSTRAK

Artikel ini memfokuskan kajian terhadap gendang gangsa iaitu sejenis artifak peninggalan masyarakat Zaman Logam di Asia Tenggara. Keunikan artifak ini terserlah pada motif dan pola hiasan yang dipaparkan sama ada pada timpanum mahupun bahagian badan objek berkenaan. Objektif kajian ini adalah untuk melihat sejauhmana penggunaan motif yang mempunyai elemen geometri dipaparkan pada gendang gangsa. Di samping itu, kajian ini akan meneliti sejauhmana kekerapan penggunaan motif berkenaan dan juga maksud yang tersirat di sebalik penggunaan motif tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan tipologi dan perbandingan iaitu dengan membuat analisis terhadap kesemua motif dan simbol yang berunsur geometri yang dipaparkan pada gendang gangsa. Hasil kajian mendapati terdapat pelbagai jenis motif yang berunsur geometri telah diaplikasikan sebagai pola hiasan gendang gangsa. Di antaranya ialah motif bintang, motif segi tiga, motif gergaji, motif bulatan bertangen, motif bulatan bertitik, motif spiral, motif abjad dan sebagainya. Motif tersebut bukan sahaja dipaparkan pada timpanum gendang sahaja, namun ia juga turut dipaparkan pada bahagian badan gendang. Berdasarkan pemerhatian, terdapat juga motif yang sama diulang penggunaan sehingga menampakkan keunikan objek ini. Kombinasi beberapa jenis motif berunsur geometri pada gendang gangsa juga bukan hanya membentuk identiti sesebuah gendang gangsa berkenaan, tetapi ia juga menunjukkan inovasi dan kreativiti masyarakat Zaman Logam yang semakin maju berbanding dengan masyarakat wujud sebelumnya sama ada masyarakat Zaman Paleolitik ataupun Neolitik.

Kata kunci: gendang gangsa, Zaman Logam, tipologi, motif, Asia Tenggara

ABSTRACT

This article focuses on the study of the bronze drums which are a type of artifact that are relics of the Metal Age society in Southeast Asia. The uniqueness of this artifact is reflected in the decorative motifs and patterns that are displayed either on the tympanum or the body of the object. The objective of this study is to see the extent of use of the motifs that have the elements of geometry displayed on the bronze drums. In addition, this study will also examine the extent of the

frequency of use of the motifs and also the implicit meaning behind the use of these motifs. This study uses the typology and comparative approach, namely by making analysis of all the motifs and symbols which are of geometric element that are displayed on the bronze drums. The results showed that there are various types of motifs of geometric element that had been applied as the decorative pattern of the bronze drums. Among them are the star motifs, triangle motifs, saw motifs, tangential circle motifs, dotted circle motifs, spiral motifs, alphabetic motifs and many others. The motifs are not only displayed on the drums' tympanum but also displayed on the body of the drums. Based on observation, there are also similar motifs that are repeatedly used until they reveal the uniqueness of this object. The combination of a few types of motifs of geometric element on the bronze drums not only shape the identity of these bronze drums, but also shows the innovation and creativity of the Metal Age society that was more advanced in comparison to the society that existed before whether its the society of the Paleolithic or the Neolithic Age.

Key words: bronze drum, Metal Age, typology, motif, Southeast Asia

PENDAHULUAN

Kajian berkaitan dengan gendang gangsa telah banyak diperkatakan oleh penyelidik sama ada penyelidik dari barat atau penyelidik dari Asia Tenggara termasuk China. Di antara mereka adalah Kalgren (1942); Linehan (1951); Lowenstein (1956); Janse (1958); Peacock (1965a); Soekmono (1973); Pham Huy Thong (1974); Coller (1979); Fraser-Lu (1983); Bellwood (1985); Kempers (1988); Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (1998); Niita (2002); Leong Sau Heng (2002); Sorenson (2002); Han Xiaorong (2004); Matinee Jirawathaawa (2004); Cameron (2004), Mahdi Bahar (2006) dan beberapa orang penyelidik lagi.

Walau bagaimanapun, tidak semua penyelidik tersebut memperkatakan tentang pola hiasan secara khusus, namun terdapat beberapa penyelidik yang melihat elemen motif pada gendang gangsa dengan lebih mendalam dan terperinci. Di antara mereka yang pernah mengupas elemen motif dan pola hiasan ialah Coller (1979); Fraser-Lu (1983); Kempers (1988) dan Han Xiaorong (2004).

GENDANG GANGSA DAN MOTIF GEOMETRI

Motif dan pola hiasan gendang gangsa sering kali diperkatakan oleh beberapa orang penyelidik. Di antaranya ialah Kempers (1988) yang

membuat huraian berkaitan dengan ciri-ciri motif dan pola hiasan yang terdapat pada gendang gangsa di Asia Tenggara;

Whereas the decoration of comparatively small or medium-size drums is essentially 'geometrical', some the medium size and especially the really large drums display 'figured scenes' in addition to the bands filled with tiny circles, ladders, meanders (and flying birds) of the former patterns, the gengeral trends within their development, and the changing spiritual backgrounds of both the drums and their symbolism.

Sementara itu, Linehan (1928) ketika menjelaskan tentang pola hiasan ekoran dari penemuan gendang gangsa Kg. Batu Pasir Garam, Sungai Tembeling, Pahang dalam tahun 1926 menjelaskan bahawa;

The centre of the face is occupied by a ten-rayed sun or star, with faint, angular lines between the rays. Surrounding the sun and its rays are two bands of ladder ornament between which are two bands containing little single, unlinked circles. Around the main zone are similar bands of decoration.

Begitu juga dengan Peacock (1963, 1965a, 1969) ketika melaporkan tentang pola hiasan susulan dari penemuan dua buah gendang gangsa dari Kampung Sungai Lang, Kuala Langat, Selangor di mana beliau menyatakan bahawa,

The drumheads are decorated with a typical repertoire of Dongson motifs arranged in concentric bands round a central raised star. These motifs comprise a 'ladder' - pattern, small circles with a central dot linked by tangents, a conventionalized pattern of birds in flight and standing with wings folded and a saw-tooth pattern.

Semasa melaporkan tentang jumpaan gendang gangsa Kampung Batu Buruk, Kuala Terengganu dan pola hiasannya, Peacock (1965b) menyatakan bahawa;

The motifs employed are typically Dongsonian and include a zig-zag 'saw tooth' pattern, a 'ladder' pattern, circles linked by tangents and conventionalized birds in flight.

Manakala Frazer-Lu (1983) pula menceritakan tentang pola hiasan yang dipaparkan pada gendang terbaru dari jenis Heger III mengandungi elemen atau motif yang berbentuk bintang seolah-olah sedang bersinar. Malah kadang-kadang ia juga cuba disamakan lakaran motif kupu-kupu yang singgah berehat, paten-paten geometri (bercorak seperti tangga dan bulatan bertitik), haiwan-haiwan dan tumbuh-tumbuhan.

Sementara itu, Leong Sau Heng (2002) pula menjelaskan bahawa di tengah-tengah timpanum gendang Heger I lazimnya mempunyai motif sebutir bintang sama ada mempunyai bucu sama ada 8, 10, 12, 14 atau 16. Kadang kala didapati di sekeliling motif ini dihiasi dengan ukiran beberapa motif lain seperti motif mata gergaji, bulatan bertindih, lakaran anak tangga, lakaran berbentuk tali, bintik (titik) atau lakaran zoomorpologi. Kebanyakan gendang Heger I mempunyai ukiran burung yang sedang terbang berlawanan dengan arah jam. Di samping itu terdapat lakaran bulatan yang berpusat menandakan zon-zon yang dipenuhi dengan corak geometri.

Semasa melaporkan tentang pola hiasan susulan dari penemuan gendang gangsa dari jenis Heger I dari Kg. Sungai Sedu, Klang, Selangor, Leong Sau Heng (1997, 2002) menyatakan bahawa;

A total of four zones are discerned. They include the outermost zone which is plain, a zone of geometric designs comprising three bands of geometric motifs, followed by a zone of zoomorphic decoration depicting flying birds, and finally a heavily corroded zone which is the part nearest the missing central portion of the tympanum.

Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (2001) pula semasa membuat perbandingan motif dan pola hiasan yang dipaparkan pada loceng dan gendang Dongson menyatakan;

Pada badan dan timpanum atau muka gendang Dongson terdapat motif seperti burung sedang terbang, bulan dan bintang di samping motif geometri atau motif perahu bersama makhluk memakai hiasan kepala.

Oleh itu berdasarkan pendapat yang dinyatakan oleh beberapa orang penyelidik di atas, maka dapat dirumuskan bahawa motif berbentuk geometri agak umum sifatnya. Malahan ia masih lagi boleh diperincikan serta ditafsirkan dengan pelbagai maksud. Justeru, artikel ini akan membincangkan motif yang berunsur 'geometri' dengan secara terperinci bagi memudahkan pemahaman dan juga untuk membolehkan kita melihat keunikan pola hiasan yang terdapat pada gendang gangsa.

VARIASI MOTIF GEOMETRI

Menurut Kamus Dewan (2005), maksud motif ialah sesuatu yang dijadikan dasar atau corak pada lukisan, ukiran dan lain-lain. Sementara itu, maksud geometri ialah cabang ilmu matematik yang mengkaji sifat-sifat dan perhubungan di antara garis-garis sudut, permukaan dan bongkah.


Geometri juga dijelaskan dalam *Ensiklopedia Britannica* sebagai kajian yang tidak hanya terhad kepada permukaan yang rata dan tiga dimensi, tetapi pemikiran dan imej yang abstrak juga boleh diwakili dan dikembangkan dalam bentuk geometri (Muhamad Bukhari 1996).

Oleh itu, secara umumnya pola hiasan berbentuk motif geometri adalah berupa lakaran motif yang bercorak garisan sama ada ia berbentuk bulatan, separa bulatan, segi tiga, empat segi, segi empat dua sama dan sebagainya. Justeru, bagi memudahkan pemahaman, kajian ini akan melihat setiap lakaran motif dan pola hiasan yang dipaparkan pada gendang gangsa secara terperinci. Di antara motif-motif yang boleh dikategorikan sebagai berunsur geometri adalah seperti berikut;

Motif Bintang


Motif bintang adalah salah satu motif yang paling popular di dalam kajian ke atas gendang gangsa khususnya gendang gangsa dari jenis Heger I. Motif ini dinamakan sedemikian kerana rupa bentuknya adalah hampir menyerupai lakaran sebutir bintang dengan beberapa bucu atau jejari. Sesetengah penyelidik menamakan motif ini sebagai motif matahari kerana rupa bentuknya yang memancar seolah-olah mewakili matahari yang sedang bersinar.

Motif bintang juga adalah identiti utama yang sering kali dipaparkan gendang gangsa. Imej motif ini dimanifestasikan pada timpanum gendang gangsa dengan paparan beberapa jejari atau bucu yang berbentuk runcing atau tajam sama ada 8, 10, 12, 14 dan 16 bucu atau jejari.¹ Motif ini seolah-olah menggambarkan sebutir bintang atau matahari ini sedang bersinar atau memancarkan cahayanya kepada seluruh alam. Contoh rupa bentuk motif bintang adalah seperti di dalam Rajah 1.



Rajah 1. Rupa bentuk motif bintang

Selain gendang gangsa dari jenis Heger I, didapati motif bintang juga terdapat pada timpanum gendang gangsa jenis Heger III. Lazimnya motif bintang yang terdapat pada timpanum gendang Heger III di Myanmar di antara 8 hingga 12 bucu sahaja. Jejari motif bintang pada timpanum gendang Heger III lebih kecil dan meruncing jika dibandingkan dengan motif bintang yang terdapat pada timpanum gendang Heger yang lain. Untuk melihat posisi motif bintang yang terdapat pada timpanum gendang Heger III di Myanmar sila rujuk Rajah 2.




Rajah 2. Rupa bentuk motif bintang

Di samping itu, di sekeliling motif bintang pula terdapat banyak garisan berbentuk bulatan yang setiap satu di dalamnya diwakili oleh pelbagai jenis motif yang tersendiri. Ini menyebabkan pola hiasan atau jumlah motif yang terdapat pada gendang Heger III lebih banyak motif berbanding dengan motif yang terdapat pada gendang gangsa yang lain sama ada gendang Heger I, Heger II atau Heger IV. Contoh beberapa variasi atau rupa bentuk motif bintang yang dipaparkan pada beberapa buah gendang gangsa di Asia Tenggara dapat dilihat di dalam Rajah 3.

Motif Segi Tiga

Rupa bentuk motif ini berbentuk segi tiga dua sama dan kedudukannya adalah terletak di celah bucu atau pangkal motif bintang. Ini bermakna setiap gendang gangsa yang memaparkan motif bintang sebenarnya juga akan turut memaparkan motif segi tiga. Asas pembentukan motif ini adalah aplikasi penggunaan huruf 'v' yang ditulis terbalik, //, A dan %. Menurut Kempers (1988), motif segi tiga diaplikasi menerusi *chevrons*, *slanting lines*, *A-shaped chevrons* and *peacock feathers*. Contoh rupa bentuk pola hiasan di dalam motif segi tiga adalah seperti pada Rajah 4.



Rajah 3. Rupa bentuk motif bintang

Motif Segi Tiga




Kod %4



Kod %1

Rajah 4. Rupa bentuk motif bintang

Terdapat pelbagai jenis pola hiasan yang dipaparkan di dalam motif segi tiga sesebuah gendang gangsa. Keunikan dan daya kreativiti yang diterapkan di dalam motif segi tiga juga merupakan salah satu elemen penting yang menjadi identiti sesebuah gendang gangsa. Justeru, untuk membezakannya di antara satu sama lain, perincian di antara rupa bentuk pola hiasan tersebut diberikan kod tertentu. Di antara kod tersebut ialah V1, V2, V3, V4, V5, //1, //2, //3, //4, //5, A1, A2, A3, A4, A5, A6, %, %1, %2, %3, %4, %5, %6, 0 dan ?. Rupa bentuk kod motif segi tiga adalah seperti dalam Rajah 5.




Rajah 5. Rupa bentuk motif segi tiga
Sumber: Kempers 1988

Malahan ada sesetengah gendang gangsa tersebut terdiri daripada kombinasi dua jenis kod motif segi tiga yang dipaparkan sebagai pola hiasannya. Ini menjadikan gendang gangsa tersebut kelihatan menarik dan unik sehingga membentuk identiti yang tersendiri. Misalnya motif segi tiga yang dipaparkan pada gendang gangsa G. No. 1/2511 (1702511) (Thailand) menggunakan kombinasi dua jenis kod iaitu kod 'V3' dan kod '%4'. Manakala gendang gangsa Banyumening (Indonesia) pula menggunakan kombinasi kod 'V5' dan kod 'A4'. Walau bagaimanapun pola hiasan di dalam motif segi tiga amat jarang digunakan pada gendang gangsa dari jenis Heger III di Myanmar melainkan dibiarkan kosong tanpa sebarang lakaran.

Motif Bulatan

Salah satu motif yang popular dan kerap kali dipaparkan pada kebanyakan gendang gangsa adalah motif bulatan. Berdasarkan kajian yang dilakukan, terdapat beberapa jenis atau variasi motif bulatan yang dipaparkan pada gendang gangsa di Asia Tenggara. Klasifikasi motif bulatan ini boleh dikategorikan kepada beberapa jenis. Bahkan penggunaan motif ini juga kadang kala diulang-ulang penggunaannya sama ada dua atau tiga kali bagi sesetengah gendang gangsa. Di antara kategori atau variasi motif bulatan tersebut dapat dilihat di dalam Rajah 6.



Rajah 6. Variasi rupa bentuk motif bulatan


Hasil kajian mendapati motif bulatan boleh dibahagikan pula kepada beberapa jenis motif yang lebih spesifik lagi atau *sub-motif* iaitu;

Motif bulatan bertangen

Gendang gangsa dari jenis Heger I kerap memaparkan motif bulatan bertangen sebagai pola hiasannya. Motif bulatan bertangen merupakan kombinasi motif bulatan bertitik yang bersambung di antara satu sama lain dengan satu garisan. Motif ini diatur sebegitu rupa sehingga membentuk satu rangkaian bulatan yang bersambung di antara satu sama lain. Dari segi saiz, didapati motif ini adalah *stereotype* dan tidaklah mempunyai perbezaan yang begitu ketara dengan motif bulatan bertitik, kecuali terdapat satu garisan yang menyambungkan di antara satu bulatan dengan bulatan yang lain. Terdapat dua jenis motif bulatan bertangen iaitu;

- (a) motif bulatan bertangen dengan satu titik hitam berada di dalam bulatannya
- (b) motif bulatan bertangen tanpa titik hitam di dalamnya.

Rupa bentuk motif bulatan bertangen yang dipaparkan pada gendang gangsa di Asia Tenggara adalah seperti pada Rajah 7.




Rajah 7. Rupa bentuk motif bulatan bertangen yang terdapat pada gendang gangsa di Malaysia dan Indonesia

Motif bulatan bertitik

Selain daripada motif bulatan bertangen, gendang gangsa juga turut memaparkan motif bulatan bertitik sebagai pola hiasannya. Motif bulatan bertitik merupakan sebuah bulatan yang mempunyai satu titik di tengah-tengahnya. Sekali imbas motif bulatan bertitik tidak menampilkan perbezaan yang begitu ketara. Tetapi jika diteliti secara mendalam didapati motif bulatan bertitik (*Dotted Circles*) ini terbahagi kepada dua jenis, iaitu;

- Motif bulatan bertitik dengan satu titik hitam berada di dalam bulatannya
- Motif bulatan bertitik tanpa titik hitam di dalamnya.

Rupa bentuk motif bulatan bertitik yang dipaparkan pada gendang gangsa di Asia Tenggara adalah seperti di dalam Rajah 8.




Rajah 8. Rupa bentuk motif bulatan bertitik yang terdapat pada gendang gangsa di Malaysia dan Thailand

Motif bulatan berlapis

Motif bulatan berlapis merupakan sebuah lakaran bulatan yang tidak bersambungan di antara satu sama lain. Namun di dalamnya terdapat satu lagi bulatan bersaiz kecil sehingga mewujudkan satu bentuk indentiti

yang tersendiri pada gendang gangsa. Motif bulatan berlapis hampir sama dengan motif bulatan bertitik tanpa titik hitam di dalamnya, cuma imej bulatannya tidak bersambung dan terasing. Berdasarkan pemerhatian penggunaan motif ini sangat kurang digunakan jika dibandingkan dengan motif bulatan bertangen atau motif bulatan bertitik.


Rupa bentuk motif bulatan berlapis yang dipaparkan pada gendang gangsa di Asia Tenggara adalah seperti pada Rajah 9.



Rajah 9. Rupa bentuk motif bulatan berlapis yang terdapat pada gendang gangsa di Indonesia

Motif Titik Hitam

Pada sesetengah timpanum gendang gangsa dipaparkan sejenis motif yang dikenali motif titik yang berwarna hitam. Motif ini merupakan satu garisan yang diwakili oleh sejumlah titik yang berwarna hitam, bagaimanapun corak susunan motif ini tidak bersambungan di antara satu sama lain sebagaimana motif bulatan bertangen atau motif bulatan bertitik. Motif titik yang berwarna hitam sering kali dijadikan sempadan pemisah di antara satu seksyen atau segmen bagi motif-motif yang terdapat di




Rajah 10. Rupa bentuk motif titik hitam yang terdapat pada gendang gangsa di Vietnam

atas timpanum gendang gangsa. Rupa bentuk motif titik hitam yang dipaparkan pada gendang gangsa di Asia Tenggara adalah seperti pada Rajah 10.

Motif Tangga

Salah satu motif yang popular dan kerap kali dipaparkan pada gendang gangsa adalah motif tangga. Motif ini adalah berbentuk segi empat dua sama yang disusun secara bertindih di antara satu sama lain. Motif tangga atau *ladders* merupakan lakaran yang menggunakan lambang (=) yang disusun secara bertindih sehingga membentuk satu motif yang hampir menyerupai sikat rambut atau sisir (*comb*). Sekali imbas jika dilihat dari posisi sebelah atas, motif ini adalah seolah-olah lakaran pola hias yang memperlihatkan satu susunan tangga. Motif tangga juga kadang kala dikenali sebagai motif sikat rambut. Contoh rupa bentuk motif tangga yang sering kali menjadi pola hiasan pada gendang gangsa adalah seperti di dalam Rajah 11.




Rajah 11. Motif tangga

Sementara itu, untuk melihat contoh rupa bentuk Motif Tangga yang dipaparkan pada gendang gangsa di Asia Tenggara adalah seperti pada Rajah 12.


Motif Gergaji

Rupa bentuk motif ini adalah berbentuk segi tiga yang tajam dan sifatnya adalah seiras dengan bentuk mata gergaji. Menurut Kempers (1988), motif mata gergaji atau kadang-kadang dikenali juga sebagai *zig-zag*, *saw teeth*, *wolf-teeth* atau *dog teeth*. Motif ini terbentuk daripada aplikasi huruf konsonan 'v' yang disusun rapat sehingga membentuk motif yang




Rajah 12. Rupa bentuk motif tangga yang terdapat pada gendang gangsa di Asia Tenggara

hampir menyerupai rupa bentuk mata gergaji (vvvvv). Kajian mendapati motif gergaji jarang digunakan sebagai pola hiasan gendang gangsa jika dibandingkan dengan motif tangga atau motif bulatan bertangen. Contoh rupa bentuk motif gergaji yang menjadi pola hiasan gendang gangsa adalah seperti di dalam Rajah 13.



Rajah 13. Motif gergaji

Sementara itu, untuk melihat contoh rupa bentuk Motif Gergaji yang dipaparkan pada gendang gangsa di Asia Tenggara adalah seperti pada Rajah 14.




Rajah 14. Rupa bentuk motif gergaji yang terdapat pada gendang gangsa di Malaysia dan Indonesia


Motif Abjad

Motif abjad merupakan lakaran atau kelok yang digarapkan khususnya pada gendang gangsa dari jenis Heger I mempunyai persamaan dengan beberapa abjad yang wujud di zaman sekarang. Ini kerana dari segi realitinya segala bentuk tulisan atau abjad sebenarnya masih belum wujud lagi pada Zaman Prasejarah. Bagaimanapun interpretasi berkaitan motif ini dibuat hanyalah secara berkebetulan dengan motif yang terdapat pada gendang gangsa khususnya dari jenis Heger I. Motif abjad juga telah dihuraikan oleh Kempers (1988) yang menyatakan bahawa di antara motif atau lakaran yang seolah-olah menyerupai abjad ialah huruf *L, M, N, Z, ZL, ZX* dan *XX*. Dari motif abjad inilah pola hiasan telah berkembang menjadi kelok yang semakin berseni dan menarik. Secara umumnya motif abjad tersebut dilukis seolah-olah dalam keadaan terbalik dan miring (condong) kecuali huruf *X*. Sebagai contoh, motif abjad *X* bersambung di antara satu sama lain sehingga membentuk corak hiasan yang begitu *simple* dan menarik (*XXXXX*). Contoh rupa bentuk motif abjad yang menjadi pola hiasan gendang gangsa di Asia Tenggara adalah seperti dalam Rajah 15.

Selain dari huruf tersebut terdapat beberapa abjad lagi yang dipaparkan yang hampir menyerupai huruf 'UnUnUn', 'VVVV', 'NNN', 'GGG' dan sebagainya. Lazimnya kedudukan motif abjad adalah berhampiran dengan motif tangga dan motif gergaji pada gendang gangsa dari jenis Heger I. Menurut Bernet Kempers lagi, di antara motif abjad




Rajah 15. Rupa bentuk motif abjad



Rajah 16. Rupa bentuk motif abjad

yang paling kerap digunakan pada gendang gangsa ialah abjad 'Z'. Motif abjad 'Z' juga dibuat dalam keadaan yang condong (miring) dan lazimnya posisi motif abjad terletak berdekatan dengan motif bulatan bertitik dan juga motif bintang. Untuk melihat corak atau rupa bentuk motif abjad yang sering dipaparkan pada timpanum gendang gangsa, sila rujuk Rajah 16.

Rupa bentuk motif abjad yang dipaparkan pada gendang gangsa di Asia Tenggara adalah seperti di dalam Rajah 17.




Rajah 17. Motif abjad yang terdapat pada gendang gangsa di Indonesia

Motif Spiral


Rupa bentuk motif spiral sebenarnya agak unik dan tergolong antara corak hiasan bentuk baru. Berdasarkan kajian didapati motif spiral terbentuk daripada motif abjad sama ada mempunyai persamaan huruf 'L', 'Z' ataupun motif 'Z'. Motif abjad 'Z' tersebut kemudiannya dikembangkan sehingga membentuk identiti yang tersendiri. Motif spiral seolah-olah mengalami proses evolusi (tokok tambah) sehingga menyebabkan ia menjadi semakin unik hasil daripada kreativiti pengukir. Ini ditambah pula dengan beberapa unsur hiasan yang dilakukan oleh pengukir sehingga menyebabkan ia menjadi semakin kompleks. Kadang kala hiasan pada kelok spiral tersebut ditokok tambah dengan hiasan yang menyerupai binatang seperti seekor naga yang sedang berjalan. Walau apa pun motif binatang yang diadaptasi pada kelok spiral ini, tidak dinafikan bahawa tidak semua unsur binatang boleh dilukis pada motif tersebut. Sudah semestinya ia mengambil kira hubungan binatang tersebut dengan konsep kepercayaan masyarakat pada masa itu. Contohnya ialah naga, ia merupakan binatang yang dipercayai mempunyai kekuasaan dan sangat dihormati dalam masyarakat Indo-China di tanah besar Asia sama ada di Yunnan ataupun Vietnam.

Di antara contoh gendang gangsa yang mempunyai motif spiral ialah gendang Hoang Ha (Vietnam) dan gendang Babakan (Indonesia). Kajian yang dibuat mendapati motif spiral juga mempunyai perbezaan di antara satu gendang gangsa dengan gendang gangsa yang lain dan perbezaan ini dapat dilihat di dalam Rajah 18.



Rajah 18. Rupa bentuk motif abjad
Sumber: Kempers 1988

Walau bagaimanapun, gendang gangsa yang memaparkan motif spiral tidak popular jika dibandingkan dengan pola hiasan yang lain sama ada motif burung, motif bintang dan sebagainya. Sementara itu, untuk melihat rupa bentuk motif spiral yang dipaparkan pada gendang gangsa di Asia Tenggara adalah seperti pada Rajah 19.



Rajah 19. Rupa bentuk motif spiral yang terdapat pada gendang gangsa di Laos dan Indonesia

Jika diteliti dengan mendalam didapati motif spiral adalah jelas menunjukkan ia merupakan hasil kreativiti daripada pembuat (tukang) yang sama. Ini berdasarkan kepada pola hiasan tersebut yang jelas menunjukkan perkembangan itu berlaku secara perlahan (evolusi) dari semasa ke semasa. Sekiranya pendapat ini benar, maka jelaslah bahawa gendang yang mempunyai motif spiral adalah dari kategori jenis baru seperti yang dikemukakan oleh Niita Eiji (2002), iaitu evolusi ciptaan dari bentuk *simple* kepada bentuk yang semakin kompleks.

Lain-Lain Motif Berunsur Elemen Geometri

Selain motif yang disebutkan di atas, terdapat beberapa jenis lagi motif yang mempunyai elemen geometri. Kebanyakan motif ini dipaparkan di atas timpanum gendang Heger III atau gendang Karen. Di antara motif yang dimaksudkan adalah *motif segi empat*, *motif bulatan*, *motif separuh bulatan*, *motif berlian*, *motif berlian berangkai*, *motif batik*, *motif segi empat berlapis*, *motif separuh bulatan*, *motif mata rantai* dan sebagainya. Justeru untuk mengenali rupa bentuk motif tersebut, sila rujuk Lampiran A yang memaparkan imej motif-motif berkenaan.

SIGNIFIKAN MOTIF BERUNSUR GEOMETRI

Tidak ada kepastian yang mutlak sejauhmana pentingnya motif yang berunsur geometri digunakan sebagai motif pada gendang gangsa. Walau bagaimanapun, dari segi logiknya penggunaan motif tersebut sedikit sebanyak mempunyai signifikan kepada individu atau tukang yang menghasilkan objek berkenaan. Sudah tentu para individu atau tukang tidak akan menghasilkan sesuatu motif atau simbol tertentu tanpa mengambilkira dari segi kepentingan atau makna yang terdapat di sebaliknya kepada masyarakat yang akan menggunakan objek tersebut. Selain daya kreativiti para pembuat gendang gangsa, penggunaan motif berunsur geometri sebenarnya mempunyai signifikan kepada masyarakat yang menggunakan gendang gangsa ketika itu.

Selain itu, jika diperhatikan pada mana-mana gendang gangsa didapati penggunaan motif berunsur geometri adalah sangat ketara dan kerap kali. Bahkan penggunaan motif berunsur geometri kadang-kadang diulang sama ada dua kali atau tidak kali penggunaan. Contoh penggunaan motif geometri yang sering kali diulang ialah motif tangga, motif gergaji dan motif bulatan bertangen sama ada dua kali atau tidak kali pada satu-satu

timpanum gendang gangsa. Boleh dikatakan gendang gangsa dari jenis Heger I peringkat awal majoriti motifnya adalah motif yang berunsur geometri seperti motif tangga, motif gergaji dan motif bulatan bertangen. Ini berkemungkinan disebabkan oleh corak atau lakaran motif yang berunsur geometri ini mudah, dan ringkas. Di samping itu, motif berunsur geometri juga tidak memerlukan komitmen yang tinggi berbanding dengan motif yang lebih kompleks seperti motif perahu, motif manusia atau motif binatang yang sangat memerlukan ketekunan dan daya kreativiti yang tinggi.

Setakat ini tidak ramai penyelidik yang memberi pandangan atau interpretasi tentang penggunaan motif geometri secara khusus. Bagaimanapun, berkaitan dengan paparan motif bintang pada timpanum gendang gangsa sering kali juga dibincangkan oleh penyelidik. Malahan motif tersebut menjadi polemik di kalangan penyelidik sama ada ia motif bintang atau motif matahari. Misalnya, polemik berkaitan dengan motif ini pernah berlaku di antara penyelidik dari Vietnam dan China. Menurut Han Xiaorong (1998), penyelidik Vietnam lebih cenderung untuk menyatakan bahawa motif tersebut adalah simbol atau lambang matahari yang mempunyai hubungan kait dengan kepercayaan masyarakat Vietnam kuno yang dikatakan menyembah matahari.

Sebaliknya bagi penyelidik China pula, mereka menyatakan bahawa motif tersebut juga sebenarnya adalah sebagai manifestasi kepada kepercayaan masyarakat China kuno yang juga menyembah matahari terutama sekali komuniti Chu dan beberapa komuniti lain yang terdapat di selatan China. Tegasnya penyelidik dari kedua-dua negara ini sama-sama berpendapat bahawa motif berkenaan adalah sebagai simbol 'matahari'. Begitu juga dengan Kempers (1988) dalam bukunya yang bertajuk *Kettledrums of Southeast Asia*, beliau lebih cenderung untuk menyatakan bahawa motif yang terdapat di atas timpanum tersebut adalah simbol atau lambang 'matahari' yang sedang bersinar (memancar).

Sebaliknya tidak demikian bagi Leong Sau Heng (2002), beliau mentafsirkan motif tersebut sebagai sebutir 'bintang'. Menurut beliau... "*the tympanum is always decorated with a central star, the points of the star being either 8, 10, 12, 14 or 16 in number...*". Begitu juga dengan M. Colani yang mengulas mengenai penggunaan motif bintang atau matahari pada timpanum gendang gangsa. Beliau telah mencadangkan bahawa motif tersebut adalah berkemungkinan sebutir matahari, di mana beliau menyatakan...*related to the worship of the sun which symbolized the importance of the sun to the people*. Sementara itu, bagi Ha Thuc Can (1989) pula ketika mengulas berkaitan dengan

penggunaan motif berunsur geometri iaitu motif spiral, beliau mencadangkan,...*that spiral pattern might have meant paddy rice representing the relationship of human with agriculture and nature.*

Oleh itu, berdasarkan kepada pandangan oleh beberapa penyelidik tersebut sangat jelas bahawa penggunaan motif berunsur geometri mempunyai signifikannya yang tersendiri kepada masyarakat yang menggunakan gendang gangsa pada ketika itu. Kebetulan pula motif berunsur geometri ini adalah mudah dan ringkas menyebabkan ia sangat popular dan sering kali diulang beberapa kali penggunaannya sama ada pada timpanum atau di bahagian badan gendang gangsa.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, elemen motif yang berbentuk geometri memang banyak digunakan sebagai pola hiasan pada gendang gangsa. Selain coraknya yang dikatakan lebih mudah dilakukan, ia juga tidak memerlukan komitmen yang tinggi berbanding dengan pola hiasan yang lebih bersifat kompleks seperti motif manusia, haiwan, perahu dan sebagainya. Sungguhpun lakaran motif yang berbentuk geometri dikatakan mudah dilakukan, namun simbol yang digunakan juga sebenarnya mempunyai maksud yang tersendiri. Penggunaan motif berunsur geometri juga menunjukkan masyarakat yang menghasilkan gendang gangsa berkenaan telah menggunakan daya kreativiti mereka dalam mempelbagaikan corak dan pola hiasan sehingga ia kelihatan menarik dan unik.

NOTA AKHIR

¹ Di dalam bukunya yang bertajuk *The kettledrums of Southeast Asia*, Bernet Kempers menyebut motif ini sebagai 'Interradial Designs'. Walau bagaimanapun, di dalam kajian ini penulis menyebut ia sebagai 'Motif Segi Tiga' kerana asas motif ini adalah rajah berbentuk segi tiga.

RUJUKAN

- Bellwood, P. 1985. *Prehistory of the Indo-Malaysian archipelago*. Australia: Academic Press.
- Cameron, J. 2004. New research into Dongson cloth from waterlogged sites in Vietnam. Dlm. Bacus, E.A., Glover, I.G. & Pigott, V.C. (pnrt.). *Uncovering Southeast Asia's past*: 196 - 201. London: The British Museum.

- Coller, R.M. 1995. *The Karen bronze drums of Burma*. Leiden: E.J. Brill.
- Fraser-Lu, S. 1983. Frog drums and their importance in Karen culture. *Dlm. Arts of Asia*. September/October 1983 issue.
- Ha Thuc Can. 1989. *The bronze Dong Son drums*. Singapore/Hong Kong.
- Han Xiaorong. 1998. The present echoes of the ancient bronze drum: Nationalism and archaeology in modern Vietnam and China. *Journal of the Southeast Asian Studies Student Association* 2(2). Manoa: University of Hawaii.
- Janse, O. 1947. *Archaeological research in Indo-China*. Vol. 3. Cambridge.
- Kamus Dewan. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Karlgren, B. 1942. The date of the early Dongson Culture. *Bulletin of the Museum -Far Eastern Antiquities* 14: 1-28.
- Kempers, B. 1988. *Kettledrums of Southeast Asia*. Rotterdam: A.A. Balkema Publishers.
- Leong Sau Heng. 1997. Some observations on a newly found Dongson type bronze kettledrum from Selangor. *Jurnal Seri Alam* 4: 1-18.
- Leong Sau Heng. 2002. Heger 1 type drums found in Malaysia: Some comments on the significances of these finds. International seminar on Dongson Culture and Tradition in Southeast Asia. Muzium Negeri Terengganu, Malaysia. 14-17 Januari.
- Linehan, W. 1928. Some discoveries on the Tembeling. *JMBRAS* 6 (4): 66-76.
- Linehan, W. 1951. Traces of a bronze culture associated with iron age implements in the regions of Klang and the Tembeling, Malaya. *JMBRAS* 24(3): 1-59.
- Loewenstein, J. 1956. The origin of the Malayan metal age. *JMBRAS* 29(2): 5-78.
- Mahdi Bahar. 2006. Ketuaaan budaya gong perunggu Minangkabau: Satu lagi penolakan teori Dong Son. *JAM*. 19: 49-71.
- Matinee Jirawathana. 2004. The bronze kettle drums in Southern Thailand. *Proceeding of the seminar on Thailand-Malaysia: Malay Peninsula archaeology programme*: hlm. 63-78.
- Muhammad Bukhari Lubis. 1996. Kosmologi dan seni khat. Seminar antarabangsa seni dan kosmologi, Anjuran Balai Seni Lukis Negara dan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Kuala Lumpur, 1-2 Oktober.
- Niita, E. 2002. The Mekong Basin toward society based on Heger I drums and Bronze Halberds. Excavation of Dai Trach: A Bronze Age settlement site in the Red River Plain. The 7th Congress Indo Pacific Academia Sinica, Taipei, Taiwan. R.O.C. 9-5 September.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 1998. *Early history*. 4. Singapore: Archipelago Press.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 2001. Loceng gangsa Penchu Muar Johor dalam konteks Zaman Gangsa Malaysia. *Jurnal Warisan Johor* V: 165-173.
- Peacock, B.A.V. 1963. A preliminary note on the Dongson bronze drums from Kampong Sungai Lang. *FMJ* iii-x: 1-3.
- Peacock., B.A.V. 1965a. Recent archaeological discoveries in Malaysia 1964: Malaya. *JMBRAS*. 39: 248-255.
- Peacock., B.A.V. 1965b. Two Dong So'n drum from Kuala Terengganu. *Malaysia in History* 10 (2): 26-31.
- Pham Huy Thong. 1990. *Dongson drums in Vietnam*. Hanoi: Social Science Publishing House.
- Soekmono, R. 1973. *Pengantar sejarah kebudayaan I*. Yogyakarta: Penerbit Kanisuis.

Sorensen, P. 2002. The Dongson culture and tradition in Southeast Asia. International seminar on Dongson Culture and Tradition in Southeast Asia. Muzium Negeri Terengganu, Malaysia. 14-17 Januari.

Adnan Jusoh, Ph.D.
Pensyarah kanan
Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA.
E-mail: adnan_heritage@yahoo.com

Yunus Sauman, M.A.
Pensyarah
Jabatan Sejarah
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA.
E-mail: kuhubsulap@gmail.com

Zuliskandar Ramli, M. Litt.
Pegawai Sains
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: ziskandar2109@gmail.com

VARIASI MOTIF BERUNSUR CORAK GEOMETRI YANG
DIPAPARKAN PADA TIMPANUM GENDANG GANGSA
HEGER III

